



11 Oktober 2012
11 October 2012
P.U. (A) 329

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN PENGURUSAN
LIKUIDITI ISLAM ANTARABANGSA
(KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN) 2012

*INTERNATIONAL ISLAMIC LIQUIDITY MANAGEMENT
CORPORATION (PRIVILEGES AND IMMUNITIES)
REGULATIONS 2012*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERBADANAN PENGURUSAN LIKUIDITI ISLAM ANTARABANGSA 2011

PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN PENGURUSAN
LIKUIDITI ISLAM ANTARABANGSA (KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN) 2012

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Keistimewaan dan kekebalan Perbadanan atau suatu subsidiari
4. Keistimewaan dan kekebalan ketua pegawai eksekutif Perbadanan
5. Keistimewaan dan kekebalan wakil kepada anggota Lembaga Pengelola dan orang yang ditauliahkan kepada, atau yang menghadiri persidangan atau mesyuarat yang diadakan oleh, Perbadanan sebagai wakil kepada anggota Perhimpunan Agung
6. Keistimewaan dan kekebalan orang yang berkhidmat dalam jawatankuasa Perbadanan
7. Keistimewaan dan kekebalan pegawai Perbadanan
8. Keistimewaan subsidiari, syarikat tujuan khas, amanah atau dana Perbadanan, atau orang lain berhubung dengan sekuriti Islam yang diterbitkan atau dijamin oleh Perbadanan, subsidiari, syarikat tujuan khas atau amanah atau dana Perbadanan
9. Keistimewaan pegawai subsidiari, syarikat tujuan khas atau amanah atau dana Perbadanan

AKTA PERBADANAN PENGURUSAN LIKUIDITI ISLAM ANTARABANGSA 2011

PERATURAN-PERATURAN PERBADANAN PENGURUSAN
LIKUIDITI ISLAM ANTARABANGSA (KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 7 Akta Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa 2011 [*Akta 721*], Menteri Luar Negeri, dengan persetujuan Menteri Kewangan, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) 2012**.

(2) Peraturan-Peraturan ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 25 Oktober 2010 kecuali bagi subperenggan 3(*b*)(ii), perenggan 4(2)(*d*) dan 7(2)(*d*).

Tafsiran

2. Bagi maksud peraturan 7 dan 9, “pegawai” ertinya seorang pegawai pada pangkat eksekutif dan ke atas.

Keistimewaan dan kekebalan Perbadanan atau suatu subsidiari

3. Perbadanan atau suatu subsidiari yang diberikan taraf organisasi antarabangsa di bawah subseksyen 6(1) Akta hendaklah mempunyai kesemua keistimewaan dan kekebalan yang dinyatakan dalam Jadual 1 kepada Akta, tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

(*a*) peraturan ini tidak memberikan Perbadanan atau suatu subsidiari, mengikut mana-mana yang berkenaan, kekebalan yang dinyatakan dalam perenggan 1 Jadual 1 kepada Akta berkenaan dengan apa-apa guaman atau proses undang-undang yang lain yang timbul daripada kontrak pekerjaan dengan pekerjaanya;

- (b) barang yang diimport atau dieksport di bawah subperenggan 5(a) Jadual 1 kepada Akta atau barang buatan tempatan yang diperolehi di bawah subperenggan 5(b) Jadual 1 kepada Akta atau penerbitan rasmi yang diimport atau dieksport di bawah subperenggan 5(c) Jadual 1 kepada Akta—
- (i) hendaklah di bawah nama Perbadanan atau subsidiari, mengikut mana-mana yang berkenaan;
 - (ii) tidak dijual atau dipindah hakmilik kepada orang lain melainkan semua duti atau cukai telah dibayar sepenuhnya terlebih dahulu oleh Perbadanan atau subsidiari, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada pihak berkuasa yang berkaitan sekiranya barang berkenaan dijual kepada pembeli tempatan yang tidak layak menikmati kemudahan pengecualian duti dan cukai yang sama; dan
 - (iii) hendaklah dimasukkan ke dalam senarai inventori Perbadanan atau subsidiari, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi tujuan pemeriksaan oleh mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan bila perlu.

Keistimewaan dan kekebalan ketua pegawai eksekutif Perbadanan

4. (1) Seseorang yang menjadi, atau sedang melaksanakan kewajipan, ketua pegawai eksekutif Perbadanan hendaklah mempunyai kesemua keistimewaan dan kekebalan sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual 2 kepada Akta.

(2) Bagi maksud perenggan 7 Bahagian I Jadual 2 kepada Akta, hak untuk mengimport satu kenderaan motor hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

- (a) kenderaan motor hendaklah didaftarkan atas nama ketua pegawai eksekutif Perbadanan;

- (b) kenderaan motor hendaklah digunakan oleh ketua pegawai eksekutif Perbadanan;
- (c) kenderaan motor boleh dieksport semula oleh ketua pegawai eksekutif Perbadanan setelah perkhidmatannya tamat; dan
- (d) duti dan cukai terlibat hendaklah dibayar sepenuhnya terlebih dahulu, sekiranya kenderaan berkenaan dijual kepada pembeli tempatan yang tidak layak menikmati kemudahan pengecualian duti dan cukai yang sama.

(3) Seseorang yang tidak lagi menjadi, atau terhenti untuk melaksanakan kewajipan, ketua pegawai eksekutif Perbadanan hendaklah mempunyai kekebalan sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual 2 kepada Akta.

Keistimewaan dan kekebalan wakil kepada anggota Lembaga Pengelola dan orang yang ditauliahkan kepada, atau yang menghadiri persidangan atau mesyuarat yang diadakan oleh, Perbadanan sebagai wakil kepada anggota Perhimpunan Agung

5. (1) Seseorang yang menjadi wakil kepada anggota Lembaga Pengelola dan sedang melaksanakan kewajipannya menurut Perkara Perjanjian hendaklah mempunyai kesemua keistimewaan dan kekebalan sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual 3 kepada Akta.

(2) Seseorang yang ditauliahkan kepada, atau yang hadir di sesuatu persidangan antarabangsa atau mesyuarat yang diadakan oleh, Perbadanan sebagai wakil kepada anggota Perhimpunan Agung hendaklah mempunyai kesemua keistimewaan dan kekebalan sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual 3 kepada Akta.

(3) Seseorang yang terhenti menjadi wakil kepada anggota Lembaga Pengelola, atau pernah ditauliahkan kepada, atau pernah menghadiri persidangan atau mesyuarat yang diadakan oleh, Perbadanan sebagai wakil kepada anggota Perhimpunan Agung hendaklah mempunyai kekebalan sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual 3 kepada Akta.

Keistimewaan dan kekebalan orang yang berkhidmat dalam jawatankuasa Perbadanan

6. (1) Seseorang yang sedang berkhidmat dalam jawatankuasa Perbadanan hendaklah mempunyai kesemua keistimewaan dan kekebalan sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual 4 kepada Akta.

(2) Seseorang yang tidak lagi, atau terhenti berkhidmat dalam jawatankuasa Perbadanan hendaklah mempunyai kekebalan sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual 4 kepada Akta.

Keistimewaan dan kekebalan pegawai Perbadanan

7. (1) Seseorang yang menjadi pegawai Perbadanan hendaklah mempunyai kesemua keistimewaan dan kekebalan sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual 5 kepada Akta.

(2) Bagi maksud perenggan 7 Bahagian I Jadual 5 kepada Akta, hak untuk mengimport satu kenderaan motor hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

(a) kenderaan motor hendaklah didaftarkan atas nama pegawai Perbadanan;

(b) kenderaan motor hendaklah digunakan oleh pegawai Perbadanan;

- (c) kenderaan motor boleh dieksport semula oleh pegawai setelah perkhidmatannya tamat; dan
- (d) duti dan cukai terlibat hendaklah dibayar sepenuhnya terlebih dahulu sekiranya kenderaan berkenaan dijual kepada pembeli tempatan yang tidak layak menikmati kemudahan pengecualian duti dan cukai yang sama.

(3) Seseorang yang tidak lagi menjadi, atau terhenti untuk menjalankan kewajipan, seorang pegawai Perbadanan hendaklah mempunyai kekebalan sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual 5 kepada Akta.

Keistimewaan subsidiari, syarikat tujuan khas, amanah atau dana Perbadanan, atau orang lain berhubung dengan sekuriti Islam yang diterbitkan atau dijamin oleh Perbadanan, subsidiari, syarikat tujuan khas atau amanah atau dana Perbadanan

8. Suatu subsidiari, suatu syarikat tujuan khas, suatu amanah atau dana Perbadanan, atau mana-mana orang lain berhubung dengan sekuriti Islam yang diterbitkan atau dijamin oleh Perbadanan, suatu subsidiari, suatu syarikat tujuan khas atau suatu amanah atau dana Perbadanan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah mempunyai kesemua keistimewaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual 6 kepada Akta.

Keistimewaan pegawai subsidiari, syarikat tujuan khas atau amanah atau dana Perbadanan

9. Seseorang yang menjadi pegawai suatu subsidiari, suatu syarikat tujuan khas atau suatu amanah atau dana Perbadanan hendaklah mempunyai keistimewaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual 6 kepada Akta.

Dibuat 26 September 2012
[BNM/JUN/1125/44/01; PN(PU2)691]

DATO' SRI ANIFAH HJ AMAN
Menteri Luar Negeri

Bersetuju 8 Oktober 2012
[KK/BPKA/K4/(S)/382/300/1-1; PN(PU2)691]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua

INTERNATIONAL ISLAMIC LIQUIDITY MANAGEMENT CORPORATION ACT 2011

INTERNATIONAL ISLAMIC LIQUIDITY MANAGEMENT CORPORATION
(PRIVILEGES AND IMMUNITIES) REGULATIONS 2012

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

Regulation

1. Citation and commencement
2. Interpretation
3. Privileges and immunities of the Corporation or a subsidiary
4. Privileges and immunities of the chief executive officer of the Corporation
5. Privileges and immunities of representatives of members of the Governing Board and persons accredited to, or attending conferences or meetings convened by, the Corporation as representatives of members of the General Assembly
6. Privileges and immunities of persons serving on the committee of the Corporation
7. Privileges and immunities of officers of the Corporation
8. Privileges of subsidiaries, special purpose vehicles, trusts or funds of the Corporation, or other persons in relation to Islamic securities issued or guaranteed by the Corporation, subsidiaries, special purpose vehicles or trusts or funds of the Corporation
9. Privileges of officers of subsidiaries, special purpose vehicles or trusts or funds of the Corporation

INTERNATIONAL ISLAMIC LIQUIDITY MANAGEMENT CORPORATION ACT 2011

INTERNATIONAL ISLAMIC LIQUIDITY MANAGEMENT CORPORATION
(PRIVILEGES AND IMMUNITIES) REGULATIONS 2012

IN exercise of the powers conferred by section 7 of the International Islamic Liquidity Management Corporation 2011 [*Act 721*], the Minister of Foreign Affairs, with the consent of the Minister of Finance, makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **International Islamic Liquidity Management Corporation (Privileges and Immunities) Regulations 2012**.

(2) These Regulations are deemed to have come into operation on 25 October 2010 except for subparagraph 3(b)(ii), paragraphs 4(2)(d) and 7(2)(d).

Interpretation

2. For the purposes of regulations 7 and 9, “officer” means an officer at the rank of executive level and above.

Privileges and immunities of the Corporation or a subsidiary

3. The Corporation or a subsidiary conferred with the status of international organization under subsection 6(1) of the Act shall have all the privileges and immunities specified in Schedule 1 to the Act, subject to the following conditions:

(a) this regulation shall not confer upon the Corporation or the subsidiary, as the case may be, the immunity specified in paragraph 1 of Schedule 1 to the Act, in respect of any suit or other legal process arising out of a contract of employment with its employee;

(b) the goods imported or exported under subparagraph 5(a) of Schedule 1 to the Act or locally manufactured goods procured under subparagraph 5(b)

of Schedule 1 to the Act or official publications imported or exported under subparagraph 5(c) of Schedule 1 to the Act—

- (i) shall be under the name of the Corporation or the subsidiary, as the case may be;
- (ii) shall not be resold or transferred to another person unless all duties or taxes has been first paid in full by the Corporation or the subsidiary, as the case maybe, to the relevant authorities if the goods are sold to a local purchaser who is not entitled to the same duty and tax exemption; and
- (iii) shall be included in the inventory list of the Corporation or the subsidiary, as the case may be, for purposes of examination by any relevant authority when necessary.

Privileges and immunities of the chief executive officer of the Corporation

4. (1) A person who is, or is performing the duties of, the chief executive officer of the Corporation shall have all the privileges and immunities as specified in Part I of Schedule 2 to the Act.

(2) For the purposes of paragraph 7 Part I of Schedule 2 to the Act, the right to import one motor vehicle shall be subject to the following conditions:

- (a) the motor vehicle shall be registered under the name of the chief executive officer of the Corporation;
- (b) the motor vehicle shall be used by the chief executive officer of the Corporation;
- (c) the motor vehicle may be re-exported by the chief executive officer of the Corporation when his services expire; and

(d) the duties and taxes involved shall be first paid in full if the motor vehicle concerned is sold to a local purchaser who is not entitled to the same duty and tax exemption.

(3) A person who was, or has ceased to perform the duties of, the chief executive officer of the Corporation shall have the immunities as specified in Part II of Schedule 2 to the Act.

Privileges and immunities of representatives of members of the Governing Board and persons accredited to, or attending conferences or meetings convened by, the Corporation as representatives of members of the General Assembly

5. (1) A person who is a representative of a member of the Governing Board and is performing his duties pursuant to the Articles of Agreement shall have all the privileges and immunities as specified in Part I of Schedule 3 to the Act.

(2) A person who is accredited to, or is in attendance at an international conference or meeting that is convened by, the Corporation as a representative of a member of the General Assembly shall have all the privileges and immunities as specified in Part I of Schedule 3 to the Act.

(3) A person who has ceased to be a representative of a member of the Governing Board, or was a person accredited to, or was in attendance at the conference or meeting convened by, the Corporation as a representative of a member of the General Assembly shall have the immunities as specified in Part II of Schedule 3 to the Act.

Privileges and immunities of persons serving on the committee of the Corporation

6. (1) A person who is serving on the committee of the Corporation shall have all the privileges and immunities as specified in Part I of Schedule 4 to the Act.

(2) A person who was, or has ceased, serving on the committee of the Corporation shall have the immunities as specified in Part II of Schedule 4 to the Act.

Privileges and immunities of officers of the Corporation

7. (1) An officer of the Corporation shall have all the privileges and immunities as specified in Part I of Schedule 5 to the Act.

(2) For the purpose of paragraph 7 Part I of Schedule 5 to the Act, the right to import one motor vehicle shall subject to the following conditions:

- (a) the motor vehicle shall be registered under the name of the officer of the Corporation;
- (b) the motor vehicle shall be used by the officer of the Corporation;
- (c) the motor vehicle may be re-exported by the officer of the Corporation when his services expire; and
- (d) the duties and taxes involved shall be first paid in full if the motor vehicle concerned is sold to a local purchaser who is not entitled to the same duty and tax exemption.

(3) A person who was, or has ceased to perform the duties of, an officer of the Corporation shall have the immunities as specified in Part II of Schedule 5 to the Act.

Privileges of subsidiaries, special purpose vehicles, trusts or funds of the Corporation, or other persons in relation to Islamic securities issued or guaranteed by the Corporation, subsidiaries, special purpose vehicles or trusts or funds of the Corporation

8. A subsidiary, a special purpose vehicle, a trust or fund of the Corporation, or any other person in relation to Islamic securities issued or guaranteed by the Corporation, a subsidiary, a special purpose vehicle or a trust or fund of the Corporation, as the case may be, shall have all the privileges as specified in Part I of Schedule 6 to the Act.

Privileges of officers of subsidiaries, special purpose vehicles or trusts or funds of the Corporation

9. An officer of a subsidiary, a special purpose vehicle or a trust or fund of the Corporation shall have the privileges as specified in Part II of Schedule 6 to the Act.

Made 26 September 2012
[BNM/JUN/1125 /44/01; PN(PU2) 691]

DATO' SRI ANIFAH HJ AMAN
Minister of Foreign Affairs

Agreed 8 October 2012
[KK/BPKA/K4/(S)/382/300/1-1; PN(PU2) 691]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Second Minister of Finance